

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 18 OCT MODUL BINA UPAYA LENGKAP DAN KOMPHENSIF BANTU PEROKOK TEGAR

KUBANG KERIAN,13 Oktober 2015 - Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengisytiharkan Kampus Kawasan Bebas Tembakau sejak 1 Januari 2012 yang lalu mengukuhkan usaha ini melalui Sekretariat Kampus Kesihatan Bebas Tembakau (KKBT) yang menghasilkan Modul Bina Upaya KKBT yang lengkap dan komprehensif mengikut panduan yang diberikan di dalam modul KKBT ini.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Bina Upaya KKBT Mohd Saberi Yusof, terdapat empat topik dalam modul ini iaitu Promosi Kesihatan, Perancangan Program, Komunikasi dan Penilaian Program."

"Setiap sesi didokumentasi mengikut tajuk, objektif, metodologi, peralatan, tempat latihan, tarikh, bajet, penceramah undangan, penilaian pelaksanaan latihan, penilaian keberkesanan latihan (penilaian pre dan post) dan kesimpulan yang akan digunakan oleh semua fasilitator dan duta KKBT yang dilantik untuk meningkatkan kesedaran warga kampus kesihatan dan pelanggan kampus kesihatan berkenaan bahayanya asap rokok," katanya lagi.

Tambah Mohd Saberi, modul bina upaya KKBT ini diharapkan dapat membantu kumpulan sasar iaitu perokok tegar agar dapat mengubah gaya hidup mereka kepada gaya hidup sihat.

Teks/Foto :Wan Mohd Rashidi Wan Mood



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015